

24/11/2000

Undang-undang banteras keganasan politik dikaji

BANGI, Khamis - Kerajaan sedang mengkaji untuk meminda peruntukan undang-undang bagi membanteras kekejaman dan keganasan dalam politik, termasuk berkaitan penyalahgunaan agama.

Pindaan itu juga akan membabitkan Seksyen 298A, Kanun Keseksaan supaya lebih relevan dengan keadaan semasa.

Seksyen 298A kini dianggap sudah lapuk dan tidak diguna pakai sejak 12 tahun lalu kerana selama ini diterjemah hanya berkuat kuasa untuk orang beragama Islam, sedangkan seksyen itu sebenarnya merujuk tindakan yang menjejaskan perpaduan dan keharmonian kaum.

Berikutan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan kajian terhadap peruntukan itu merangkumi penduduk semua bangsa atau agama kerana kekejaman dan keganasan tidak hanya membabitkan orang Islam.

"Penyalahgunaan atau pencabulan agama, mana-mana agama sekalipun, boleh memupuk ketidakpercayaan, kebencian dan perpecahan perpaduan yang tidak dapat dibaiki, dengan itu terbuka kepada kemungkinan berlakunya kekacauan secara kerap dan menyeluruh," katanya dalam ucapan perasmian persidangan 'Kekejaman dan Keganasan Politik' di sini, hari ini.

Teks ucapannya dibacakan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

Perdana Menteri menegaskan, undang-undang perlu dikaji dan diperbaiki dari semasa ke semasa supaya memenuhi keperluan rakyat serta kekal berkesan bagi membanteras kekejaman dan keganasan, termasuk yang berunsur politik.

"Hakikatnya, masih ada segelintir yang menggunakan paksaan, keganasan dan kekejaman politik bagi merebut kuasa atau menjatuhkan kerajaan demokratik tanpa menghiraukan pencabulan undang-undang serta kesannya kepada rakyat.

"Justeru, selagi bahaya pertembungan sosial dan politik masih jelas wujud, termasuk yang berpunca daripada penyalahgunaan agama, negara memerlukan undang-undang yang tegas," katanya.

Dr Mahathir berkata, undang-undang berkaitan yang menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam pula harus dilihat sebagai pelindung rakyat dan bukannya mengekang kebebasan masyarakat.

Bagaimanapun, katanya, jurang keagamaan dan etnik terus memberi cabaran kepada rakyat kerana sentimen kaum dan agama mempunyai pengaruh yang kuat di Malaysia.

Beliau berkata, politik agama juga lebih banyak menimbulkan kesusahan dan penderitaan terhadap masyarakat berikutan salah tafsiran rukun tertentu sehingga berlaku perpecahan di kalangan umat Islam, seperti yang dapat dilihat daripada beberapa kejadian baru-baru ini.

"Apabila seorang Islam menggelar seorang Islam lain sebagai kafir hanya kerana orang yang kononnya kafir ini tidak mengikut jenis acuan politik-agama mereka, ia akan membawa kepada manifestasi keganasan dan akhirnya kekejaman.

"Kita tidak mahu terperangkap dengan sebarang kecenderungan terhadap keganasan tetapi adalah sukar untuk menghapuskan budaya keganasan jika ia sudah bertapak," katanya.

Persidangan itu dianjurkan Institut Antarabangsa Dasar dan Pengurusan Awam (Inpuma) Universiti Malaya dan Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri.

Dr Rais dalam sidang akhbarinya selepas majlis berkenaan pula berkata,

undang-undang yang terperinci dan menyeluruh perlu berikutan kecenderungan pengamal politik masa kini yang semakin agresif dan kadangkala ganas.

"Sikap parti pembangkang pada hari penamaan calon pilihan raya kecil di Lunas Selasa lalu, yang menampilkan amalan politik kasar seperti menuding jari dan mengajak berkelahi, mampu bertukar menjadi ganas jika tidak ada kawalan undang-undang.

"Mereka (pembangkang) ini ternyata sudah hilang nilai murni keagamaan serta tidak lagi memiliki sifat berbudi bahasa, sekali gus mewujudkan keperluan penguatkuasaan undang-undang bagi menjaga keamanan dan ketenteraman awam," katanya.

(END)